

**JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN
TAMBAHAN SESI JAWAB LISAN**

DARIPADA : YB RAUB

TARIKH : 6 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

Petikan Hansard 6 November 2023

Tuan Chow Yu Hui [Raub]: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih jawapan daripada YB Timbalan Menteri. Namun demikian, statistik yang diberi tadi oleh Timbalan Menteri merangkumi kesemua jurusan dan tidak cukup spesifik untuk mencerminkan masalah struktur yang dihadapi oleh pelajar STPM. Saya berani kata, tidak melebihi lima orang pelajar STPM dapat masuk ke kursus-kursus ini melalui saluran UPU dalam UM seperti kursus medical, farmasi dan pergigian bagi setiap tahun dan situasi ini telah mengecewakan pelajar STPM yang cemerlang. Oleh itu saya nak tanya, bolehkah KPT dedahkan statistik, berapa pelajar STPM yang dapat masuk kursus-kursus kritikal dalam universiti awam utama melalui saluran UPU ini?

Saya juga minta penjelasan daripada KPT, jika seorang pelajar matrikulasi dan pelajar STPM sama-sama dapat 4-flat yang ingin memohon kursus kritikal yang sama, adakah UPU akan memberikan prioriti kepada pelajar matrikulasi? Saya harap KPT boleh meneliti masalah ini secara mendalam dan menyeluruh dan memastikan keadilan kepada pelajar STPM. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Dato' Yang di-Pertua, pertamanya, berdasarkan sistem yang kita ada di MyMoheS ini di KPT, bilangan kemasukan pelajar warganegara bagi akademik Sesi 1 2022/2023 ke peringkat ijazah pertama di universiti awam, bagi kelayakan masuk Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia adalah seramai 22,632 orang dengan pecahan seperti berikut. Pertama, bumiputera seramai 15,856 pelajar. Bukan bumiputera 6,776 pelajar. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: [Bangun] DR 6.11.2023 20 Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Bagi tahun 2019 pula – kita ada 2019, 2021 dan 2022. Bilangan kemasukan lepasan SPM, STPM adalah seperti berikut, bumiputera seramai 19,364 pelajar pada tahun 2019 diikuti

15,926 pelajar pada tahun 2020; 13,489 pada tahun 2021 dan 15,856 pada tahun 2022. Bukan bumiputera seramai 7,296 pelajar pada tahun 2019. Diikuti 7,944 pelajar pada tahun 2020, 5,763 pelajar pada tahun 2021 dan 6,776 pada tahun 2020. Ini mengikut data yang kita ada. Menyentuh soal kemasukan mengikut program seperti yang disentuh, kita ada kaedah yang kita guna pakai untuk kita membuat pilihan, terutamanya bila disentuh soal pelajar 4-flat ini. 4 flat ini kebanyakannya ingin memohon kepada program-program yang kompetitif seperti perubatan. Di perubatan ini, kita ada kaedah cara memilih untuk mereka ditawarkan kursus, terutamanya di mana kalau kita banding mereka yang ingin mengikuti kursus itu, dia ada sistem akademik 90 peratus. Maksud dia, pencapaian akademik dia 90 peratus dan 10 peratus adalah dari segi lain, terutamanya soal temu duga khas, yang mana kita adakan untuk menilai mereka ini. Maka itu, bila kita menawarkan kursus- saudara Yang Berhormat Raub itu tadi tidak lebih daripada lima orang pelajar yang lulusan STPM mahu memasuki kursus seperti perubatan. Rasanya mengikut statistik kita, ramai. Kalau saya nak baca di sini, rasanya lebih dari lima Yang di-Pertua, tetapi walau bagaimanapun, sebagai memudahkan kita untuk memberikan data yang tepat, saya akan jawab saudara YB Raub ini secara bertulis dengan data, berapa ramai sebenarnya yang telah kita tawarkan untuk mengikuti kursus-kursus yang kompetitif. Terima kasih.

JAWAPAN:

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) **menyelaras** kemasukan pelajar **Lepasan SPM dan STPM/Setaraf** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum 10% tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri.
2. Selain itu bagi program-program kompetitif seperti perubatan, pergigian, farmasi dan undang-undang calon perlu melepasi ujian dan/atau temu duga khas yang dilaksanakan oleh Universiti Awam (UA).
3. Penawaran kepada **calon lepasan STPM** ke **Program Perubatan** melalui **UPUOnline®** bagi tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:
 - i. **Sesi akademik 2023/2024**
Sebanyak 16 penawaran kepada lepasan STPM ke Program Perubatan. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 18.6%.
 - ii. **Sesi akademik 2022/2023**
Sebanyak 13 penawaran kepada lepasan STPM ke Program Perubatan. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 14.4%.
 - iii. **Sesi akademik 2021/2022**
Sebanyak 10 penawaran kepada lepasan STPM ke Program Perubatan. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 10.53%.

4. Penawaran kepada **calon lepasan STPM** ke **Program Pergigian** melalui **UPUOnline®** bagi tempoh tiga (3) tahun terkini adalah seperti berikut:

i. **Sesi akademik 2023/2024**

Terdapat 1 penawaran kepada **lepasan STPM** ke **Program Pergigian**. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 4.76%.

ii. **Sesi akademik 2022/2023**

Terdapat 1 penawaran kepada **lepasan STPM** ke **Program Pergigian**. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 4.35%.

iii. **Sesi akademik 2021/2022**

Tiada penawaran kepada **lepasan STPM** ke **Program Pergigian**.

5. Penawaran kepada **calon lepasan STPM** ke **Program Farmasi** melalui **UPUOnline®** bagi tempoh tiga (3) tahun terkini adalah seperti berikut:

i. **Sesi akademik 2023/2024**

Terdapat 10 penawaran kepada **lepasan STPM** ke **Program Farmasi**. Peratus kejayaan penawaran adalah sebanyak 13.89%

ii. **Sesi akademik 2022/2023**

Terdapat 4 penawaran kepada **lepasan STPM** ke **Program Farmasi**. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 8.89%.

iii. **Sesi akademik 2021/2022**

Sebanyak 6 penawaran diberikan kepada **lepasan STPM** ke **Program Farmasi**. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 16.67%.

6. Penawaran kepada calon lepasan STPM ke Program Undang-Undang melalui UPUOnline® bagi tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:

i. **Sesi akademik 2023/2024**

101 penawaran diberikan kepada lepasan STPM ke Program Undang-Undang. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 21.4%

ii. **Sesi akademik 2022/2023**

74 penawaran diberikan kepada lepasan STPM ke Program Undang-undang. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 14.02%.

iii. **Sesi akademik 2021/2022**

87 penawaran diberikan kepada lepasan STPM ke Program Undang-undang. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 18.55%.

7. Penawaran kepada calon lepasan STPM ke Program Perakaunan melalui UPUOnline® bagi tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:

i. **Sesi akademik 2023/2024**

Jumlah penawaran kepada lepasan STPM ke Program Perakaunan adalah sebanyak 197. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 29.76%

ii. **Sesi akademik 2022/2023**

Jumlah penawaran kepada lepasan STPM ke Program Perakuanan adalah sebanyak 81. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 12.50%.

iii. **Sesi akademik 2021/2022**

Jumlah penawaran kepada lepasan STPM ke Program Perakaunan adalah sebanyak 178. Peratus kejayaan penawaran sebanyak 21.24%.

8. Melalui UPUOnline®, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari di peringkat pendidikan tinggi namun **kejayaan pelajar mendapat tempat di Universiti Awam (UA) bukan hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata** tetapi bergantung kepada kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan, bilangan tempat yang disediakan serta lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.
9. Dasar dan kriteria pemilihan yang ditetapkan adalah seperti berikut:
 - i. Pencapaian akademik dalam peperiksaan,
 - ii. Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum,
 - iii. Kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian yang dimohon,
 - iv. Gred mata pelajaran untuk tujuan pengiraan markah Akademik,
 - v. Memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas seperti yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA,
 - vi. Lulus temu duga dan/atau ujian bagi yang menetapkan syarat berkenaan,
 - vii. Program pengajian pilihan calon mengikut keutamaan, dan
 - viii. Bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA dan ILKA.
10. Pemberian markah merit lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi menggunakan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) bagi STPM, Matrikulasi KPM dan Asasi UA yang digunapakai dalam pengiraan markah akademik.
11. **Markah Kokurikulum** 10% bagi pelajar STPM akan diselaraskan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (BSKK KPM) manakala Matrikulasi/ Asasi akan diselaraskan oleh institusi masing-masing iaitu Bahagian matrkikulasi (BM) KPM dan UA terlibat.

12. Proses pemilihan dilaksanakan secara teratur seperti berikut:

- i. Calon disusun ikut ranking merit dari yang paling tinggi hingga yang paling rendah,
- ii. Jika berlaku '*tie*', PNGK, pencapaian purata gred, dan markah kokurikulum akan diambil kira,
- iii. Proses pemilihan akan turut dibuat **berdasarkan program yang dipilih oleh calon,**
- iv. Berdasarkan **kelayakan calon** dan **jika tempat masih tersedia**, calon akan ditawarkan **pilihan pertama**, dan
- v. **Jika tempat pengajian telah penuh, permohonan calon akan diproses untuk pilihan program yang seterusnya sehingga pilihan calon yang terakhir.**

Sekian, terima kasih.